



BINA PURI HOLDINGS BHD

PRESS RELEASE

Berita Harian
16 Julai 2008

6 senator baru angkat sumpah



Pelantikan Ahli Dewan Negara berkuat kuasa hari ini untuk satu penggal

KUALA LUMPUR: Bekas Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar dan Pengerusi MCA Bahagian Cheras, Tan Sri Tee Hock Seng, antara enam senator baru yang mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara, di Bangunan Parlimen semalam.

Empat lagi ialah Datuk Chandrasekar Suppiah, J Usha Nandhini, Datuk Ahmad Rusli Ibrahimi dan Ahamat Rusli @ Ahamad Yusop.

Semua mereka mengangkat sumpah di depan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh pada jam 10 pagi, sebelum sidang Dewan Negara bermula dan didahului oleh Abdul Rahman.

Pelantikan mereka yang berkuat kuasa hari ini adalah untuk tempoh satu penggal.

Abdul Rahman, 56, adalah bekas Ahli Parlimen Marang dan juga Ahli Majlis Tertinggi Umno, manakala Tee, 59, Penasihat Eksekutif kepada Jawatankuasa Perhubungan MCA, Wilayah Persekutuan. Abdul Rahman, Tee, Chandrasekar dan Usha dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Ahmad Rusli pula adalah pilihan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan, manakala Ahamat pilihan DUN Johor.

Sementara itu, Tee berkata, beliau akan berusaha memberikan yang terbaik kepada

masyarakat terutama dalam bidang berkaitan kontraktor dan ladang.

"Saya agak terkejut dipilih sebagai senator dan mengambil masa satu hari untuk membuat keputusan," katanya

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor

Corp Communications Dept

BINA PURI HOLDINGS BHD

Tel : 03-6136 3333 (3005)

Fax : 03-6136 9999

E-mail : surati@binapuri.com.my